


Soalan 1-25

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.


Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

1. Hanisah sedang asyik menonton televisyen di _____ rumahnya.
- A ruang keluarga
 - B ruang makan
 - C ruang tamu
 - D ruang dapur

Soalan 2 berdasarkan Gambar 2




Gambar 2

2. “Pak Seman menggunakan _____ untuk menebang sebatang pokok rambutan yang berdekatan dengan rumahnya”. Kata Samad kepada adiknya.
- A pisau
 - B parang
 - C gergaji
 - D kapak

- 3 _____ berikrar untuk melakukan apa sahaja yang terdaya bagi menjayakan majlis itu.
- A Aku
 - B Saya
 - C Awak
 - D Anda
- 4 “Sekiranya tidak ada apa-apa perubahan, _____ ikutlah jadual yang telah diberikan tadi”, Kata Cikgu Rahman kepada murid-muridnya.
- A kalian
 - B kamu
 - C anda
 - D kita


Soalan 5 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

- 5 Kuda itu berlari dengan _____ untuk mengelakkan diri daripada ditanduk oleh kerbau.
- A perlahan
 - B pantas
 - C cepat
 - D laju

Soalan 6 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

6 Sungguhpun bayi itu _____ tetapi telah ditinggalkan oleh ibu bapanya.

- A comot
- B cantik
- C comel
- D molek

Soalan 7 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

7. Sazali, Kamal dan Yahya berlatih _____ sambil bermain alat muzik untuk menyertai Pertandingan Bintang Kecil di sekolahnya.

- A menari
- B menjerit
- C menangis
- D menyanyi

Soalan 8 berdasarkan Gambar 6




Gambar 6

- 8 Tun Haji Abdul Razak bin Husin ialah Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berasal _____ negeri Pahang.
- A pada
 - B dari
 - C kepada
 - D daripada
- 9 Zaiton menulis surat _____ sahabatnya yang sedang belajar di Universiti Malaya.
- A bagi
 - B untuk
 - C kepada
 - D daripada
- 10 Murid-murid dinasihatkan belajar bersungguh-sungguh _____ berjaya dalam pelajaran.
- A oleh
 - B hingga
 - C sambil
 - D supaya

- 11 Saleh berlari _____ menjinjing beg plastik berisi buah-buahan kerana dikejar oleh anjing.
- A sambil
 - B dengan
 - C seraya
 - D dan
- 12 “Saya _____ membeli sepasang baju kurung”, kata Melati kepada Puteri.
- A harus
 - B dapat
 - C boleh
 - D hendak
- 13 Cincin berlian yang dipamerkan di kedai emas itu _____ tinggi nilainya.
- A amat
 - B benar
 - C nian
 - D agak
- 14 Kamu _____ perlu menekan suis yang berwarna hijau untuk menggerakkan mesin pemotong kayu itu.
- A jua
 - B hanya
 - C sahaja
 - D memang

Soalan 15 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

- 15 Ramli terpaksa berakit di _____ jambatan Sungai Jelai untuk pergi ke kebunnya.
- A bawah
 - B tengah
 - C atas
 - D tepi
- 16 Rosdah membeli sebuah kereta _____ di Kuala Lumpur dengan harga RM15,000.
- A terlaris
 - B terbaru
 - C terbuang
 - D terpakai

Soalan 17 berdasarkan Gambar 8



Gambar 8

- 17 Ibu menyediakan _____ sempena Hari Raya Aidilfitri.
- A Lauk-pauk
 - B kuih-muih
 - C sayur-mayur
 - D buah-buahan


Soalan 18 berdasarkan Gambar 9



Gambar 9

- 18 Terdapat _____ pondok buruk di hujung kampung itu.
- A sebiji
 - B sebuku
 - C sebuah
 - D sebatang

Soalan 19 berdasarkan Gambar 10



Gambar 10

- 19 Setiap minggu, adik Hashim mengelap cermin tingkap biliknya dengan menggunakan _____ tuala.
- A sehelai
 - B secarik
 - C selembat
 - D sekeping
- 20 Suhaila berasa _____ meninggalkan ayahnya yang sakit tenat di rumah seorang diri.
- A jauh hati
 - B berat hati
 - C besar hati
 - D berkat hati
- 21 Setelah berjaya dalam perniagaannya, Ahmad telah melupakan jasa ibu bapanya. sikap Ahmad _____.
- A bagai menatang minyak yang penuh.
 - B seperti kacang lupakan kulit
 - C bagai kaduk naik junjung
 - D seperti aur dengan tebing.

- 22 Kasim seorang murid yang lemah dalam pelajaran, _____ dia sentiasa berusaha untuk berjaya.
- A namun begitu
B selain itu
C walaupun
D sekiranya
- 23 Rejab mengambil kesempatan untuk melarikan diri daripada penculik yang sedang tidur.
- Perkataan seerti** bagi kesempatan ialah
- A peluang
B peranan
C kehendak
D kesanggupan
- 24 _____ kah yang menjadi johan dalam Pertandingan Pidato Diraja Peringkat Negeri Pahang Tahun 2007 yang lalu?
- Pilih **kata tanya** yang sesuai bagi ayat tanya di atas
- A Apa
B Bila
C Siapa
D Mengapa
- 25 Siapakah yang bercakap dengan kamu sebentar tadi?
- Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.
- A Saya tidak dengarnya.
B Saya tidak boleh bercakap.
C Saya bercakap dengan kamu tadi.
D Salmah yang bercakap dengan saya tadi.